



SIARAN MEDIA

DEKLARASI SEOUL : MEWUJUDKAN KOMUNITI ASIA YANG MANPAN

SEOUL, KOREA 5 DISEMBER 2014- Selari dengan tema 'Creating Family-Friendly Social Environment', Deklarasi Seoul telah berjaya dizahirkan di penutupan 6th East Asia Ministerial Forum and Family yang dianjurkan oleh Kementerian Kesaksamaan Gender dan Keluarga Negara Korea yang berlangsung selama tiga hari.

Deklarasi tersebut memperakui institusi kekeluargaan merupakan elemen dan nilai yang penting di Asia Timur dan memainkan peranan yang kritikal dalam mewujudkan komuniti Asia yang mampan pada masa hadapan.

Deklarasi Seoul juga menyokong bahawa kesaksamaan gender dan pemerksaan wanita memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kesejahteraan sesebuah institusi kekeluargaan dan masyarakat. Dari aspek tanggungjawab bersama ibu dan bapa pula, penglibatan sepenuhnya oleh wanita adalah amat kritikal dalam sesebuah keluarga.

Pada kenyataan bersama yang dilakukan oleh Menteri-menteri dan ketua delegasi yang bertanggungjawab kepada polisi yang berkaitan kekeluargaan meluahkan kebimbangan bahawa persekitaran yang mesra-keluarga masih lagi gagal dilaksanakan secara menyeluruh akibat beberapa kekangan antaranya kurangnya polisi yang mesra-keluarga, waktu bekerja yang panjang and budaya organisasi yang tidak fleksibel di tempat kerja.

Para menteri dan ketua delegasi yang bertanggungjawab terhadap polisi berkaitan kekeluargaan akan sedaya upaya memastikan dua belas perkara yang disyorkan dalam deklarasi, termasuk menggesa pihak majikan untuk mengimplementasi dan

memperkasakan polisi tempat kerja yang mesra-keluarga seperti waktu kerja yang fleksibel, cuti menjaga anak, fasiliti taska di tempat kerja serta memastikan keseimbangan kualiti kerja-keluarga dengan pewujudan budaya organisasi yang mesra-keluarga.

Mereka juga menyatakan sokongan terhadap keperluan keseimbangan kerja-keluarga suami, bapa dan lelaki serta perlunya ada model suami, bapa, lelaki yang positif dalam memastikan mereka turut serta secara aktif dalam hal-hal penjagaan keluarga dan kerja rumah.

Para delegasi turut menyokong cadangan untuk mewujudkan indeks antarabangsa persekitaran sosial mesra-keluarga yang boleh digunapakai oleh negara-negara Asia Timur. Hasil kajian tersebut akan diperbincangkan dalam forum seterusnya yang akan diadakan di negara Thailand pada November 2016.

YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menghadiri 6th East Asia Ministerial Forum on Families bermula dari 3 Disember sehingga 5 Disember 2014 bersama Menteri dan delegasi yang terdiri dari negara China, Indonesia, Laos, Jepun, Filipina, Korea, Thailand, Timor Leste dan Vietnam.

###

Prepared by	:	Unit Komunikasi Korporat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat Aras 5, No.55 Persiaran Perdana, Presint 4, Putrajaya
Contact	:	+603 8323 1000
Date	:	5 Disember 2014